

**Kuantan:** Allahyarham Abu Zarin Hussin yang terkenal dengan kemahiran menjinak dan menangkap ular berhasrat berhenti daripada mengendalikan reptilia berbisa itu apabila bertukar ke Terengganu.

Niat anggota bomba itu disampaikan kepada isteri, Azeana Farhana Mohd, 31, sebelum ini apabila dinasihati tidak terus melakukan tugas itu kerana ia mengundang bahaya.

Namun, ajalnya tiba lebih awal apabila arwah meninggal dunia ketika dirawat di Hospital Sultan Ahmad Shah (HOSHAS) Temerloh, 16 Mac lalu, selepas dipatuk tedung selar.

Azeana Farhana berkata, dia kerap menasihati arwah tidak meneruskan aktiviti de-

## Hasrat terakhir arwah Abu Zarin



WAN Mohd Noor menyampaikan anugerah kepada Azeana Farhana yang mewakili arwah Abu Zarin.

ngan haiwan berbisa, namun arwah Abu Zarin memintanya bersabar.

"Dia berjanji mahu berhenti mengendalikan hidupan berbisa jika dapat ke

Kuala Terengganu kerana sebelum ini ada minta bertukar namun permohonannya masih dalam proses.

"Jika dapat bertukar, arwah kata mahu jadi jurulatih dan tidak perlu menangkap ular dan haiwan berbisa lain. Tetapi takdir Allah melebihi segala-galanya," katanya.

Dia ditemui pada Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Perkhidmatan 30 Tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) di sini, semalam.

Pada majlis itu, Azeana Farhana mewakili arwah menerima Anugerah Kebesaran Jabatan, Anugerah Khidmat Cemerlang dan sumbangan RM10,000 daripada kerajaan negeri yang disampaikan Ketua Pengarah JBPM, Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim.

Turut hadir, Pengarah JBPM Pahang, Datuk Abdul Wahab Mat Yasin dan timbalannya, Mohd Sani Harul.



**ARWAH Abu Zarin berhasrat berhenti menangkap ular jika permohonan pindah ke Terengganu lulus.**

